

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JMS 213 – Sejarah Politik Malaysia Moden**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Kehadiran British di negeri-negeri Melayu pada abad ke-19 hanya secara kebetulan telah mempercepatkan proses pemodenan yang telah bermula di negeri-negeri Melayu. Sejauh manakah benarnya pandangan ini? (25 markah)
2. W.R.Roff menyatakan bahawa kesetiaan politik orang-orang Melayu terhadap raja-raja Melayu dan pembesar-pembesarnya menjadi satu faktor penghalang kepada pertumbuhan semangat nasionalisme Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Bersetujukah anda ? (25 markah)
3. Cheah Boon Kheng berpendapat yang kemuncak nasionalisme Melayu meletus pada 1946 kerana pemikiran Melayu telah melalui satu revolusi di mana nilai-nilai tradisi telah runtuh bersama dengan kongkongan ideologi yang menghalang rakyat daripada menentang raja atau menegakkan hak sendiri. Bincangkan dengan lebih lanjut pendapat Cheah Boon Kheng ini. (25 markah)
4. Margaret Roff berpendapat bahawa kesedaran politik kaum Kadazan di Sabah sejak akhir 1950-an sebagai satu kebangkitan nasionalisme Kadazan. Adakah anda bersetuju dengan pandangan beliau? (25 markah)
5. Bincangkan pertikaian-pertikaian yang wujud di antara kerajaan pusat dengan kerajaan Singapura hingga membawa kepada perpisahan Singapura dari Malaysia pada 1965. (25 markah)
6. Bincangkan faktor manakah yang paling utama yang menyebabkan krisis politik Sarawak berterusan dari 1965 hingga 1970? (25 markah)